

# Abdullah yakin BN menang

BH - 20/05/2006

**I** POH: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yakin pengundi di Sarawak akan memilih Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya negeri itu hari ini bagi meneruskan kesinambungan pembangunan di negeri itu.

Perdana Menteri merangkap Pengerusi Barisan Nasional (BN) berkata, pengundi di Sarawak tentunya mengambil kira bahawa mereka sewajarnya memilih sebuah kerajaan negeri yang dapat bekerjasama dengan Kerajaan Pusat.

Beliau berkata, walaupun rakyat Sarawak bebas membuat pilihan, mereka perlu melihat ke depan demi kesejahteraan generasi akan datang.

"Saya harap rakyat Sarawak keluar beramai-ramai hari ini untuk mengundi kerana ia amat penting dalam menentukan kerajaan negeri yang mampu menjayakan pembangunan di Sarawak.

"Saya yakin pengundi mahu BN menang di Sarawak dan sekiranya BN kekal memimpin sekali lagi, Sarawak akan terus maju dan berjaya," katanya di sini semalam.

Abdullah berkata demikian pada sidang media selepas menyaksikan majlis menandatangani memorandum perjanjian persefahaman (MoU) antara Kerajaan Perak, Tesco Stores (M) Sdn Bhd dan Meranti Tiga Sdn Bhd, berkaitan penyediaan bekalan pelbagai produk pertanian kepada Pasar besar Tesco.